

13 JUN 2000

PERODUA-KENARI/I

PERODUA KENARI AKAN MASUKI PASARAN UK MULAI OKT

SHAH ALAM, 13 Jun (Bernama) -- Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (Perodua) merancang untuk mengeksport Perodua Kenari, tambahan baru kepada adunan produk syarikat itu, ke United Kingdom dalam bulan Oktober, pengarah urusannya Datuk Abdul Rahman Omar berkata.

Katanya Kenari yang akan dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok, akan menggantikan model lebih awal Kancil di pasaran itu.

Kenari, katanya akna menjadi "bayi" baru Perodua dijual di pasaran UK, sebagai ganti kepada Kancil, kerana model lama itu tidak lagi dibenarkan memasuki pasaran itu mulai Okt kerana ia tidak mematuhi piawaian keselamatan terbaru UK.

Dikuasai oleh enjin suntikan bahan bakar elektronik 12 injap satu liter, katanya Kenari dikeluarkan untuk merangkumi semua ciri keselamatan yang digariskan di dalam piawaian baru keselamatan pelanggaran Standard Euro (2) 1998.

Bercakap kepada pemberita semasa previu akhbar kereta mini keluarga baru itu di sini Sabtu lepas, Abdul Rahman berkata syarikat itu merancang untuk menghantar kumpulan pertama 100 buah Perodua Kenari ke UK mulai November.

"Kenari juga akan membuat kemunculan pertama antarabangnya di Pameran Kereta Birmingham, yang akan diadakan pada 17 Okt," umum beliau.

Mengenai prospek Kenari, Abdul Rahman yakin akan menjual 1,000 unit sebulan menjelang akhir tahun dan berharap meningkatkannya kepada di antara 1,200 dan 1,600 unit tahun depan.

"Sambutan setakat ini adalah baik. Daripada hari tempaan pertama pada 1 Jun hingga 7 Jun, kami telahpun menerima 784 tempahan," kata beliau, sambil menambah bahawa Kenari akan didapati di kesemua 20 bilik pameran Perodua dan 120 pengedar jualan sah di negara ini mulai esok dan seterusnya.

Abdul Rahman mengaitkan jualan yang baik itu kepada peningkatan permintaan bagi kenderaan bermotot di negara ini.

"Bagi April, Malaysia mencatat jualan kenderaan bermotor sebanyak lebih daripada 30,000 unit, angka bulanan tertinggi sejak kemelsetan ekonomi pada September, 1997," katanya.

Abdul Rahman berkata bahawa industri kenderaan bermotor telah berkembang dengan kjukuh daripada paras terendah kira-kira 6,000 unit pada Februari 1998 kepada 30,000 unit pada April 2000.

"Saya berharap industri boleh mencapai jualan keseluruhan (kenderaan bermotor) lebih daripada 350,000 unit tahun ini," katanya, sambil menambah ini berbanding dengan jualan tertinggi dalam sejarah sebanyak 404,000 unit pada 1997.

Menurut Abdul Rahman, sejak penubuhannya pada 1994, Perodua telah memperkenalkan dengan berjayanya model-model Kancil, Rusa dan Kembara ke dalam pasaran, dengan semua model menerima sambutan yang hebat.

"Dengan agihan pasaran pengenalan sebanyak 4.4 peratus pada 1994, Perodua akan berkembang dan dijangka menguasai 30.0 peratus daripada agihan pasaran tahun ini," kata beliau.

Dianggap sebagai kenderaan pilihan yang tepat bagi alaf baru, wagon mini pelbagai guna keluarga Perodua Kenari, yang menggabungkan semangat pengembaraan dengan kegunaan yang mudah di dalam bandar.

Muncul dalam tiga variasi, standard EX, deluxe GX dan versi automatik EZ, Kenari akan diperolehi dalam warna-warna Putih Kristal dan Merah Bunga

Raya, Biru Siber, Hijau Elegan, Merah Bara, Ungu Prisma, Emas Milenia dan Biru Harmoni, dalam warna cat padu dan metalik. -- BERNAMA
RIZ KTC OS